



ULASAN

LEMBAGA PENASIHAT
PENCEGAHAN RASUAH
2011

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) secara berterusan telah memperlihatkan kemajuan dan peningkatan yang ketara pada tahun 2011 khususnya dalam usaha meningkatkan keupayaan dan kemahiran, meluaskan bidang aktiviti dan meningkatkan prestasinya. Ia telah mencipta satu pelan strategik yang baru, melaksanakan pelbagai langkah dan program serta meluaskan rangkaian dan jangkauannya dalam setiap aspek. Walaupun SPRM berjaya mendapat pengiktirafan meluas di luar negara serta kredibiliti yang lebih kukuh dalam negara, namun isu keyakinan bagi sesetengah pihak masih perlu dipertingkatkan.

SOROTAN PENTING BAGI TAHUN 2011

Sorotan penting bagi tahun 2011 termasuk seperti berikut:

1. Pengenalan Pelan Strategik untuk tempoh 2011-2013. Ia menyasarkan prestasi yang mantap di setiap bidang seperti tatacara siasatan; nisbah pertuduhan dan sabitan yang berjaya dihasilkan; pencegahan dan pendidikan masyarakat; serta kedudukan di dalam Indeks Persepsi Rasuah.
2. Penubuhan sebuah Jawatankuasa Eksekutif Transformasi untuk menyelia pelaksanaan Pelan Strategik dan membantu dalam usaha-usaha transformasi yang dilaksanakan oleh SPRM bagi menjadikannya sebuah Agensi Pencegahan Rasuah bertaraf dunia. Keanggotaan Jawatankuasa ini termasuk seorang ahli daripada Lembaga Penasihat SPRM.
3. Kesegeraan dalam tindakan ke atas maklumat berunsur rasuah yang diterima menunjukkan peningkatan yang positif. 74% daripada jumlah keseluruhan 1,304 Kertas Siasatan yang dibuka telah disiapkan pada tahun yang sama, manakala bakinya yang telah dibuka pada bulan November dan Disember 2011 sedang diambil tindakan dalam tahun 2012. 92% daripada Kertas Siasatan yang lengkap telah disediakan dalam tempoh kurang daripada enam bulan, penambahbaikan berbanding dengan 87.8% dari tahun sebelumnya.
4. Secara keseluruhannya 918 orang telah ditangkap sepanjang tahun ini. Ia menunjukkan penurunan sebanyak 3% berbanding jumlah orang yang ditangkap pada tahun 2010 iaitu seramai 944 orang.

5. Tangkapan dan perbicaraan beberapa orang individu yang berprofil tinggi. Individu terlibat termasuk bekas Menteri Besar, bekas Ahli Parlimen, ahli Dewan Undangan Negeri, bekas ahli Dewan Undangan Negeri, Ketua Pegawai Eksekutif dan seorang Pengarah Urusan Syarikat Besar serta seorang Timbalan Pendakwa Raya. Penubuhan 14 Mahkamah Khas Rasuah pada bulan Julai 2011 untuk mendengar kes-kes rasuah secara langsung telah mempercepatkan proses undang-undang.
6. Pengenalan kepada Pakatan Integriti atau Integrity Pact bagi proses perolehan Kerajaan oleh Kementerian Kewangan dan pengenalan Ikrar Integriti Korporat atau Corporate Integrity Pledge, membantu dalam mengukuhkan dimensi strategi pencegahan rasuah.
7. Jangkauan usaha berterusan untuk melibatkan badan-badan Kerajaan, sektor swasta, sekolah dan media massa.
8. Pengiktirafan di peringkat antarabangsa yang telah diberikan kepada Ketua Pesuruhjaya SPRM, Dato' Sri Hj. Abu Kassim bin Mohamed dengan penamaan beliau di kalangan 100 orang paling berpengaruh di bawah kategori 'Kerajaan dan Peraturan' oleh Ethisphere Institute yang berpusat di New York.
9. Kemunculan Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) sebagai hab serantau bagi latihan. Kapasiti dan pengiktirafan antarabangsa ke atas Akademi ini telah dipertingkatkan lagi dengan penubuhan sebuah Lembaga Penasihat Antarabangsa.
10. Penglibatan dan peningkatan pengetahuan di peringkat antarabangsa dengan agensi pencegahan rasuah yang lain melalui persidangan, lawatan dan program latihan.

Lembaga Penasihat mengambil maklum dan memuji prestasi kepimpinan dan kakitangan SPRM yang telah menunjukkan dedikasi dan komitmen yang tidak terhingga dalam melaksanakan tanggungjawab mereka, walaupun dibelenggu dengan keadaan yang sentiasa dikira mencabar.

Walaupun bagaimanapun, SPRM masih mempunyai perjalanan yang jauh sebelum ia boleh merealisasikan visinya dalam menjadi sebuah badan pencegahan rasuah yang bertaraf dunia dan secara ketaranya memperbaiki kedudukan global di dalam Indeks Persepsi Rasuah. Ia dikekang oleh beberapa faktor dalaman dan luaran. Walaupun menghadapi kekangan yang jelas daripada aspek tenaga kerja mahir dan sumber kewangan yang terhad, sikap skeptis masyarakat secara umumnya yang agak sukar diyakinkan dan masih menganggap SPRM tidak bebas sepenuhnya juga adalah antara cabaran yang paling penting yang perlu ditangani oleh SPRM.

Terdapat persepsi bahawa perlakuan rasuah masih meluas dan SPRM tidak melaksanakan tanggungjawabnya dengan berkesan terutama sekali yang melibatkan individu-individu yang berprofil tinggi atau berkepentingan awam. Tuduhan dan tohmahan terutamanya di dalam blog-blog banyak mendatangkan implikasi yang serius kepada kredibiliti organisasi ini. Eksploitasi keadaan oleh unsur-unsur politik dan lain-lain bukan sahaja banyak memburukkan situasi yang perlu dihadapi oleh SPRM, malah institusi-institusi lain seperti polis, badan kehakiman dan Suruhanjaya Pilihan Raya juga turut terbabit. Walaupun kes Teoh Beng Hock telah dibicarakan oleh Suruhanjaya Siasatan Diraja dan cadangan-cadangan penambahbaikan sedang giat di laksanakan, Suruhanjaya ini tetap dibelenggu dengan beberapa isu yang terus dibangkitkan oleh sesetengah pihak dalam usaha menjejaskan kredibiliti Suruhanjaya.

CADANGAN

Dengan mengambil contoh keberkesanan usaha yang dilaksanakan oleh Independent Commission Against Corruption, Hong Kong dan badan-badan lain, ia memerlukan usaha yang berterusan dan berdedikasi selama bertahun-tahun untuk mengubah badan memerangi rasuah dan memupuk budaya yang dapat menolak amalan rasuah di kalangan masyarakat.

Malaysia mesti terus melabur tenaga dan sumber yang mencukupi untuk memupuk suatu persekitaran yang bebas daripada perlakuan rasuah melalui beberapa strategi yang kukuh dan langkah yang berkesan yang meliputi bukan sahaja institusi seperti SPRM tetapi juga sektor politik, awam dan swasta serta masyarakat secara umum.

Lembaga Penasihat telah mempromosikan secara aktif agenda pencegahan rasuah di peringkat tertinggi bersama-sama dengan Perdana Menteri dan Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah yang terdiri daripada kalangan Ahli Parlimen. Kedua-dua Perdana Menteri dan Jawatankuasa Khas tersebut secara terbukanya telah menerima dan menyokong cadangan yang telah dibawa oleh Lembaga Penasihat.

A. Cadangan-cadangan yang telah diterima secara prinsipnya dan harus dipercepatkan

Cadangan-cadangan berikut telah diterima pada dasarnya oleh Perdana Menteri dan sedang dalam proses penelitian terperinci serta pelaksanaan. Lembaga Penasihat mengesyorkan pelaksanaan-pelaksanaan tersebut disegerakan. Beberapa cadangan telah dibuat pada tahun 2012 tetapi bagi maksud kesempurnaan dimasukkan seperti berikut:

1. Penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Pencegahan Rasuah Malaysia yang diberi kuasa untuk merekrut, melantik, menaik pangkat dan menamatkan perkhidmatan pegawai-pegawai dan staf SPRM. Ini akan membolehkan SPRM memperoleh tenaga kerja yang mahir dan kompeten dengan cepat dan cekap. Langkah ini memerlukan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan.
2. Kenaikan status Ketua Pesuruhjaya SPRM kepada satu jawatan yang setanding dengan Akauntan Negara, Ketua Audit Negara dan para Hakim yang juga dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.
3. Akses penuh yang diberikan kepada Ketua Pesuruhjaya SPRM terhadap akaun berkanun berkaitan pengisytiharan harta yang dibuat oleh Anggota Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, yang meliputi ahli-ahli keluarga, kepada Perdana Menteri.

4. Keperluan untuk dana politik di peringkat persekutuan dan negeri hendaklah dibayar kepada akaun bank rasmi parti-parti politik berkenaan. Ini akan membolehkan pengauditan tahunan yang betul dan secara langsung mencegah penyalahgunaan dana untuk kepentingan peribadi, masalah serius yang dipercayai melanda negara sehingga kini. Langkah ini memerlukan pindaan kepada beberapa undang-undang termasuk Akta Pertubuhan 1966 (Akta 335) yang sedang dilaksanakan dengan pihak berkuasa yang berkaitan.
5. Peningkatan tahunan sebanyak 150 jawatan sehingga keanggotaan pegawai SPRM mencapai 5,000 orang. Tindakan segera perlu dibuat bagi menambah pengambilan dan penempatan Pegawai Siasatan dan Timbalan Pendakwa Raya yang terlatih di SPRM. Terdapat 1,760 jawatan yang telah diluluskan bagi pegawai-pegawai pada tahun 2011, di mana sejumlah 1,541 jawatan telah pun diisi.

B. Cadangan-cadangan lain

Lembaga Penasihat dengan ini mengulangi serta mengemukakan cadangan-cadangan baru seperti berikut untuk pertimbangan Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah serta Kerajaan, dan SPRM, di mana perlu:

1. ***Teruskan usaha untuk membina kemahiran profesional dan meningkatkan kecekapan dalam empat bidang kritikal SPRM:***
 - a. Pengumpulan risikan dan bukti
 - b. Siasatan dan proses penyiasatan
 - c. Komunikasi awam
 - d. Strategi dan langkah-langkah pencegahan
2. ***Meningkatkan usaha untuk membanteras rasuah dalam semua sektor***

Sikap negatif terhadap SPRM dan Kerajaan secara umum akan berterusan selagi kejadian dan perlakuan rasuah dirasai masih meluas. Selain berusaha untuk meningkatkan persepsi yang betul dan tepat, SPRM perlu meningkatkan usaha untuk menghapuskan rasuah dalam semua sektor. Rasuah yang dilihat berlaku di kalangan golongan atasan amat memudaratkan dan tidak banyak dapat dibendung, walaupun sedikit kemajuan tercapai beberapa tahun kebelakangan ini. Membendung rasuah di peringkat atasan perlu diberi keutamaan oleh SPRM dan bagi tujuan ini perlu bekerjasama dengan Jabatan Peguam Negara.

3. ***Menyediakan sumber kewangan yang mencukupi.***

Kerajaan telah menyokong sepenuhnya tugas dan tanggungjawab yang dilaksanakan oleh SPRM dan telah meningkatkan sumber kewangan organisasi tersebut walaupun menghadapi kekangan kewangan. Belanjawan yang diluluskan bagi tahun 2011 ialah RM202,258,000.00, tambahan yang ketara kira-kira 21.4% berbanding belanjawan 2010 sebanyak RM166,569,500.00. Walau bagaimanapun, bajet yang diluluskan bagi tahun 2012 ialah RM211,288,500.00, iaitu peningkatan hanya sebanyak 4.45% berbanding tahun sebelumnya yang dikira sebagai tidak bermanfaat disebabkan inflasi. Jumlah sebenar bajet yang dipohon bagi tahun tersebut adalah RM306,302,800.00.

Sumber kewangan yang mencukupi adalah kunci untuk setiap peningkatan dalam prestasi SPRM yang diperlukan untuk memenuhi sasaran Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang ditetapkan oleh Kerajaan. Lembaga Penasihat amat menyokong cadangan asal bajet 2012 yang dikemukakan oleh SPRM dan mendesak bahawa jumlah yang diluluskan sewajarnya ditambah.

KESIMPULAN

Faktor tunggal yang paling mengecewakan rakyat Malaysia dari semua peringkat umur dan latar belakang, dari semua lapisan masyarakat ialah kewujudan rasuah. Perdana Menteri pernah mengisytiharkan rasuah ialah kanser dan musuh No. 1 Negara. Rasuah mengakis nilai moral dan etika, melemahkan ekonomi dan akhirnya memudaratkan kesejahteraan hidup setiap individu. Transformasi negara tidak boleh berjaya tanpa peningkatan yang jelas dan berkesan dalam usaha untuk membasmi rasuah.

Beberapa pembaharuan asas dan meluas telah pun dipersetujui oleh Perdana Menteri. Telah tiba masanya bagi pembaharuan tersebut dilaksanakan segera dan SPRM dilengkapi dengan kapasiti yang diperlukan bagi menghasilkan pembaharuan tersebut.

TERMA RUJUKAN LEMBAGA PENASIHAT PENCEGAHAN RASUAH

- a) Untuk menasihati Suruhanjaya tentang apa-apa aspek masalah rasuah di Malaysia;
- b) Untuk menasihati Suruhanjaya tentang dasar dan strategi Suruhanjaya dalam usahanya untuk membanteras rasuah;
- c) Untuk menerima, meneliti dan mengendorskan cadangan daripada Suruhanjaya ke arah perjalanan cekap dan berkesan Suruhanjaya;
- d) Untuk meneliti dan mengedorskan keperluan sumber Suruhanjaya untuk memastikan keberkesanannya;
- e) Untuk meneliti laporan tahunan Suruhanjaya sebelum dikemukakan kepada Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah; dan
- f) Untuk mengemukakan ulasannya tentang perjalanan oleh Suruhanjaya sebelum dikemukakan kepada Jawatankuasa Khas mengenai Rasuah.

SENARAI ANGGOTA LEMBAGA PENASIHAT PENCEGAHAN RASUAH



**Puan Sri Zaitun
Zawiyah Puteh**
Mantan Peguam Cara Negara
(Pengerusi)



Tan Sri Ismail Adam
Mantan Ketua Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Awam



**Tan Sri Datuk Amar (Dr.)
Haji Hamid Bugo**
Mantan Setiausaha Kerajaan
Negeri Sarawak



**Tan Sri Rashpal Singh a/l
Jeswant Singh**
Timbalan Pengerusi
Knight Capital Sdn. Bhd.



**Prof. Tan Sri Dr. Mohd
Kamal Hassan**
Mantan Rektor Universiti Islam
Antarabangsa Malaysia (UIAM)



Tan Sri Datuk Yong Poh Kon
Pengarah Urusan Royal
Selangor International Sdn. Bhd.



**Tan Sri Dato' Sri Mohamed
Jawhar Hassan**
Pengerusi
New Straits Times Press



Dato' Anwar Fazal
Pengarah Kolej Right Livelihood,
Universiti Sains Malaysia



**Tan Sri Datuk Seri Panglima
Simon Sipaun**
Mantan Pesuruhjaya Suruhanjaya
Hak Asasi Manusia Malaysia
(SUHAKAM)



**Prof. Emeritus
Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim**
Prof. Emeritus di Jabatan
Sejarah Universiti Malaya (UM)



**Tan Sri Dato' Seri Megat
Najmuddin bin Haji Megat Khas**
Presiden Institut Tadbir Urus
Korporat Malaysia



**Tuan Chelvarajah
Ramasamy Reddiar**
Konsultan di Sault and Co.,
Peguambela dan Peguamcara



**Dato' Sri Hj. Abu Kassim
bin Mohamed**
Ketua Pesuruhjaya SPRM
(*ex-officio*)